

U 8834 ENX DEB

SARAWAK - MAHATHIR

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 9 MALAM INI - 8 APRIL)

KUCHING, 8 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI BAHAWA KESTABILAN YANG DIWUJUDKAN OLEH KERAJAAN BARISAN NASIONAL YANG MEMERINTAH TELAH MEMASTIKAN KEMAJUAN SOSIO-EKONOMI YANG RANCAK BAGI NEGARA.

+KESTABILAN INI JUGA TELAH MEWUJUDKAN IKLIM YANG SESUAI BAGI MENJALIN KEHARMONIAN DAN PERPADUAN DI KALANGAN PELBAGAI KETURUNAN SUKU KAUM DI NEGARA INI, + DEMIKIAN TEGAS BELIAU DALAM PERUTUSANNYA PADA MANIFESTO BN SARAWAK YANG DIKELUARKAN DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA Pengerusi BN, BERKATA BAHAWA SEGALA RANCANGAN DAN STRATEGI PEMBANGUNAN YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN BN SEMATA-MATA BERTUJUAN MENCAPAI TARAF KEHIDUPAN YANG LEBIH TINGGI DAN CARA HIDUP YANG LEBIH SELESA BAGI SEMUA RAKYAT, TIDAK KIRA KETURUNAN, BANGSA DAN AGAMA MEREKA.

DALAM KONTEKS INI, KATA BELIAU KEUTAMAAN SENTIASA DIBERIKAN KEPADA KAWASAN-KAWASAN LUAR BANDAR SUPAYA SEGALA KEMUDAHAN YANG TERDAPAT DI BANDAR AKAN JUGA DINIKMATI OLEH RAKYAT YANG TINGGAL DI DESA DAN KAWASAN PENDALAMAN, JELAS BELIAU. - LAGI.

1814MST 08 04 87

U 8845 ENX DEB

SARAWAK - MAHATHIR 2 KUCHING (EMBARGO)

DI SARAWAK, KATA BELIAU, KERAJAAN BN PIMPINAN KETUA MENTERI, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD BERJAYA MEMAJUKAN NEGERI TERSEBUT DENGAN PESATNYA SERTA MEMPERBAIKI LAGI INFRASTRUKTURNYA SELAIN DARIPADA MENARIK LEBIH RAMAI LAGI PARA PELABUR TEMPATAN DAN LUAR NEGERI, WALAUPUN MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI.

USAHA INI, KATA BELIAU, TELAH MEWUJUDKAN LEBIH BANYAK LAGI PELUANG PEKERJAAN SERTA PELUANG YANG LAIN BAGI PENDUDUK TEMPATAN DI SEMUA SEKTOR YANG MENGALAMI PEMBANGUNAN YANG PESAT SELAIN MENCERMINKAN REKOD CEMERLANG KERAJAAN PIMPINAN BELIAU DI MANA NIKMAT PEMBANGUNAN DIKECAPI BERSAMA OLEH SEMUA PENDUDUK DI NEGERI ITU.

MENGENAI PILIHANRAYA NEGERI ITU KALI INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN PARA PENGUNDI AKAN MENUNJUKKAN KEARIFAN DAN KEDEWASAAN MEREKA DENGAN MEMILIH SEKALI LAGI KERAJAAN BN YANG SENTIASA MEMIKIRKAN KEPENTINGAN NEGERI DAN RAKYAT.

+INI PENTING BAGI MEMPASITKAN KEMAJUAN, KESTABILAN DAN PERPADUAN YANG BERTERUSAN, + JELAS BELIAU. - LAGI.

1844MST 08 04 87

U B847 ENX DEB  
SARAWAK - MAHATHIR 3 KUCHING (EMBARGO)

SEMENTARA ITU, DATUK PATINGGI TAIB, DALAM PERUTUSAN YANG SAMA BERKATA BAHAWA DALAM USAHA PEMBANGUNANNYA, KERAJAAN NEGERI TELAH MEMULAKAN PELBAGAI PROJEK SOSIO-EKONOMI BESAR-BESARAN SEPERTI PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADP) YANG MENELAN BERJUTA-JUTA RINGGIT DI KALAKA-SARIBAS DAN SAMARAHAN DAN SKIM KEPALA SAWIT FELDA.

KERAJAAN JUGA MERANCANG DAN MENGGALAKKAN BERBAGAI PROJEK PERINDUSTRIAN BERAT DAN RINGAN TERUTAMA DALAM BIDANG PERKAYUAN DAN PETRO-KIMIA SELAIN MEMAJUKAN KEMUDAHAN YANG PERLU UNTUK PEMBANGUNAN INDUSTRI PELANCONGAN SERTA MEMPERHEBATKAN PEMBANGUNAN PRASARANA DI SELURUH NEGERI KHASNYA DI LUAR BANDAR, KATA BELIAU.

DATUK PATINGGI TAIB, YANG JUGA PENERUSI BN NEGERI BERKATA USAHA TERSEBUT MEMBUKTIKAN KESUNGGUHAN KERAJAAN BN MELAKSANAKAN KONSEP POLITIK PEMBANGUNAN DI MANA PERUNTUKAN KIAN BERTAMBAH DARI HANYA \$2,608 JUTA DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT KEPADA \$6,300 JUTA DALAM RANCANGAN BERIKUTNYA SEKARANG INI - SELAIN MEWUJUDKAN KEAMANAN, KESTABILAN DAN KEHARMONIAN DI NEGERI INI.

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN BN BERAZAM UNTUK MENGEKALKAN KEYAKINAN PARA PENIAGA TERHADAP SUASANA DAN IKLIM EKONOMI NEGERI SEBAGAI ASAS UNTUK MEMESATKAN PEMBANGUNAN. - LAGI.  
1848MST 08 04 87

U B849 ENX DEB  
SARAWAK - MAHATHIR 4 KUCHING (EMBARGO)

PILIHANRAYA NEGERI ITU - YANG DIADAKAN KIRA-KIRA DUA TAHUN LEBIH AWAL DARI JADUAL - DIADAKAN BERIKUTAN PERCUBAAN SEKUMPULAN ANGGOTA DEWAN NEGERI YANG SEKARANG MENAMAKAN DIRI MEREKA +KUMPULAN MAJU+ MENGGULINGKAN DATUK PATINGGI TAIB PADA 10 MAC.

DATUK PATINGGI TAIB MELANCARKAN MANIFESTO BN BAGI PILIHANRAYA NEGERI DI IBU PEJABAT PARTI PESAKA BUMIPUTERA BERSATU (PBB) DI JALAN SATOK DI SINI MALAM INI. - BERNAMA.  
1850MST 08 04 87